Tak sedar jadi mangsa gangguan seksual punca tak lapor

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - Oktober 5, 2023 @ 2:31pm
bhnews@bh.com.my



Nancy Shukri (lapan dari kiri) bergambar bersama penerima poster "Katakan Tidak Kepada Gangguan SEKSUAL" pada majlis perasmian Program Jerayawara KASIH KPWKM @ ADVOKADI Antigangguan Seksual di Hotel Casuarina Meru Raya Ipoh - Foto NSTP/L MANIMARAN

IPOH: Tidak menyedari menjadi mangsa gangguan seksual menyebabkan ramai mangsa tidak mengambil tindakan lanjut termasuk membuat aduan.

Ia kerana perbuatan gangguan seksual disifatkan bersifat subjektif menyebabkan mangsa tidak berani tampil membuat aduan sekali gus mendapat pembelaan sewajarnya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata kementerian menyedari ada banyak kes gangguan seksual yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa walaupun jumlah kes sebenar adalah lebih tinggi daripada yang dilaporkan.

Menurutnya, kementerian mengambil tindakan serius bagi menangani isu gangguan seksual dengan menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] agar dapat membantu mangsa tampil melaporkan kejadian supaya tindakan sewajarnya dapat diambil selain remedi dapat diberikan kepada mangsa.

"Penguatkuasaan akta ini sudah dilaksanakan secara berperingkat bermula 28 Mac 2023, membabitkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan, serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat," katanya berucap

merasmikan Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Negeri Perak di Hotel Casuarina @Meru, di sini, hari ini.

Turut hadir Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Koperasi dan Pembangunan Usahawan negeri, Salbiah Mohamed.

Perak adalah negeri ke-11 Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual diadakan sejak 6 Julai lalu.

Dalam sidang media selepas majlis itu, Nancy berkata sepanjang 10 siri Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Antigangguan Seksual yang dibuat di 10 negeri sebelum ini yang bermula 6 Julai hingga 2 Oktober lalu, terdapat penambahan ketara bilangan mangsa gangguan seksual dari kalangan lelaki.

Beliau berkata, ia sekali gus menampakkan hasil positif pelaksanaan program advokasi terbabit.

Katanya, di siri pertama jerayawara yang diadakan di Pulau Pinang pada 6 Julai lalu, tiada rekod mengenai bilangan mangsa lelaki dicatatkan namun angka itu meningkat apabila jerayawara terakhir yang diadakan di negeri Kedah mencatatkan angka bilangan mangsa lelaki adalah seramai 36 mangsa bagi negeri Kedah.

"Angka yang dicatatkan adalah melalui Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Yayasan Kebajikan Negara (YKN), yang mana jumlah keseluruhan mangsa bagi 10 siri jerayawara sebelum ini adalah seramai 762 mangsa, dengan sekurang-kurangnya 187 daripadanya adalah mangsa lelaki.

"Sepanjang turutan 10 siri sebelum ini, Pulau Pinang (tiada rekod); diikuti Sarawak (5), Selangor (13), Negeri Sembilan (10), Melaka (24), Pahang (9), Kelantan (52), Terengganu (14), Sabah (24), dan Kedah (36).

"Berdasarkan angka yang diberikan ini, dahulunya mangsa yang dicatatkan tidak ramai mungkin kerana tidak begitu berani namun sekarang penambahan jumlah mangsa yang dicatatkan agak ketara termasuk bagi mangsa lelaki," katanya.

Menurutnya lagi, berdasarkan data inventori melalui PSSS YKN, gangguan seksual dibahagikan kepada empat tahap iaitu tahap rendah, sederhana, tinggi, dan kritikal.

Tahap rendah iaitu apabila mangsa mengalami gangguan secara gurauan yang sedikit, tahap sederhana apabila mangsa terdedah dengan gangguan secara lisan, gurauan menggunakan bahasa lucah, serta penggunaan simbol lucah semasa berkomunikasi.